



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 MEI 2021 (AHAD)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

30 MEI 2021 (AHAD)

Usah panik, barang dijamin cukup

PUTRAJAYA: Pengguna diminta tidak melakukan pembelian panik dan berlebihan bagi mengelak gangguan bekalan di premis-premis jualan ekoran pengumuman pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi di seluruh negara mulai Selasa ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan penguat kuasa Kementerian setiap hari bagi memastikan keberadaan bekalan barang keperluan asas di semua

negeri.

Menurut beliau, seperti pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu yang tidak merekodkan kes bekalan barang keperluan asas terputus, Kementerian memberi jaminan bahawa bekalan barang keperluan di seluruh negara masih stabil dan mencukupi semasa fasa sekatan penuh ini.

“Kementerian berharap semua pihak terutamanya peniaga dan pengguna bersama-sama bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan melalui kawalan sendiri dan

mengikuti prosedur operasi standard (SOP).

“Ini termasuk tidak melakukan pembelian panik supaya bekalan barang keperluan asas di seluruh negara terus stabil dan mencukupi,” katanya di sini semalam.

Alexander berkata, Kementerian turut memaklumkan bahawa penguatkuasaan Operasi Had 2 Jam (OP Had 2J) ditangguhkan serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Bagaimanapun, kata beliau, SOP PKP 3.0 yang lain masih terus dikuatkuasakan.



ALEXANDER NANTA LINGGI

Rakyat dinasihat jangan buat belian panik

Kuala Lumpur: Rakyat dinasihatkan tidak membuat pembelian panik susulan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi, bermula Selasa depan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga menasihatkan pengguna agar bertenang dan memberi jaminan bekalan barang keperluan adalah mencukupi.

"Bertenang, jangan panik. Patuhilah SOP (prosedur operasi standard). Elakkan pembelian teknik, bekalan barang keperluan tetap boleh dibeli dan dijamin mencukupi," kata KPDNHEP dalam satu hantaran di Facebook rasmi kementerian, semalam.



Orang ramai beratur panjang untuk membuat pembayaran selepas membeli barang keperluan harian di Pasaraya Mydin USJ, Subang Jaya semalam. Peningkatan orang ramai membeli-belah sebagai persediaan menghadapi penguatkuasaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi, bermula Selasa depan. (Foto Aziah Azmee/BH)

KPDNHEP jamin bekalan mencukupi

Dari Muka 1

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dalam satu kenyataan kemudian, berkata Kementerian akan menjalankan pemantauan setiap hari sepanjang tempoh penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi.

"Pengguna dinasihatkan tidak melakukan pembelian panik dan berlebihan bagi mengelakkan gangguan bekalan di premis jualan. Pengalaman PKP lalu tidak merekodkan sebarang kes bekalan barangan keperluan asas terputus.

"Justeru, KPDNHEP yakin dan memberi jaminan bekalan barang keperluan di seluruh negara masih stabil dan mencukupi ketika fasa

penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ini," katanya.

Katanya, semua pihak, terutama peniaga dan pengguna bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan melalui kawalan sendiri, mematuhi SOP serta tidak melakukan pembelian panik supaya bekalan barang keperluan asas di seluruh negara stabil dan mencukupi.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, KPDNHEP menangguhkan serta-merta Operasi Had 2 Jam (OPS HAD2J) ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak, namun SOP PKP 3.0 yang lain masih berkuat kuasa.

"Kementerian berharap pengguna dan pengunjung premis perniagaan terus merancang perbelanjaan dan perjalanan bagi mengurangkan kesesakan di premis perniagaan," katanya.



Alexander Nanta Linggi

Bekalan keperluan asas dijamin mencukupi

Kuala Lumpur: Bekalan keperluan asas tidak akan terputus sepanjang penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi susulan Sekatan Pergerakan Penuh fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini.

Jaminan itu diberikan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi supaya tidak wujud pembelian panik sebelum sekatan pergerakan penuh dilaksanakan.

Menurutnya, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan pemantauan setiap hari sepanjang tempoh itu dilaksanakan.



ORANG ramai membeli barang keperluan di Pasaraya Mydin USJ, Subang Jaya, semalam selepas Perdana Menteri Malaysia, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan pelaksanaan Kawalan Pergerakan Penuh (KPP) fasa pertama di seluruh negara selama 14 hari berkuat kuasa 1 Jun ini.

"KPDNHEP meminta pengguna tidak melakukan pembelian panik dan berlebihan bagi mengelak gangguan bekalan di premis jualan.

"Pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu yang tidak merekodkan kes bekalan barangan keperluan asas terputus.

"Oleh itu, KPDNHEP yakin dan jamin bekalan barangan keperluan di seluruh negara masih stabil dan mencukupi ketika Sekatan Pergerakan Penuh ini," katanya.

Beliau berkata, semua pihak terutama peniaga dan pengguna bertanggungjawab memastikan keselamatan

tan dan kesihatan melalui kawalan sendiri serta mengikuti prosedur operasi standard (SOP) dan tidak melakukan pembelian panik supaya bekalan barang keperluan asas di seluruh negara stabil dan mencukupi.

Katanya, KPDNHEP akan menguatkuasakan Op Had 2J hingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

"Namun SOP PKP 3.0 lain masih terus dikuatkuasakan dan Kementerian berharap pengguna dan pengunjug premis perniagaan terus merancang perbelanjaan dan perjalanan bagi mengurangkan kesesakan di premis perniagaan," katanya.

KPDNHEP jamin barang keperluan cukup



ALEXANDER

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan barang keperluan di seluruh negara masih stabil dan mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh bermula Selasa ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, kementerian yakin dan memberi jaminan bekalan barang keperluan mencukupi seperti pengalaman PKP lalu yang tidak merekodkan sebarang kes bekalan barangan

keperluan asas terputus. "Pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan oleh penguat kuasa KPDNHEP setiap hari bagi memastikan keberadaan bekalan barangan keperluan asas di semua negeri," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Alexander berkata, penggunaan diseru supaya tidak melakukan pembelian panik dan berlebihan bagi mengelakkan gangguan bekalan di premis-premis jualan.

"Adalah menjadi harapan KPDNHEP agar semua pihak

terutamanya peniaga dan pengguna bersama-sama bertanggungjawab memastikan keselamatan dan kesihatan melalui kawalan, kendiri dan mengikut prosedur operasi standard (SOP)," katanya.

Pada masa sama, Alexander memaklumkan, penguatkuasaan Ops Had 2 Jam ditangguhkan serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

"Bagaimanapun, SOP PKP 3.0 yang lain masih terus dikuatkuasakan," ujarnya.

Menurutnya lagi, kementerian juga mengharapkan pengguna dan penguatkuasa premis perniagaan akan terus merancang perbelanjaan dan perjalanannya bagi mengurangkan kesesakan di premis perniagaan yang boleh menyebabkan penularan Covid-19 meningkat.

Kosmo! semalam melaporkan kerajaan memutuskan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun hingga 14 Jun ini.

Menteri gesa pengguna jangan buat pembelian panik

SHAH ALAM - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggesa semua pengguna supaya tidak melakukan pembelian panik dan berlebihan bagi mengelakkan gangguan bekalan di premis-premis jualan.



ALEXANDER

Menteri KPDNHEP, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan oleh anggota penguat kuasa Kementerian setiap hari bagi memastikan keberadaan bekalan barangan keperluan asas di semua negeri.

Beliau berkata, pihaknya yakin dan memberi jaminan bahawa bekalan barang keperluan di seluruh negara masih stabil serta mencukupi seperti mana pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tahun lalu yang tidak merekodkan sebarang kes terputus bekalan barangan keperluan asas.

“Adalah menjadi harapan KPDNHEP bahawa semua pihak terutamanya peniaga dan pengguna bersama-sama bertanggungjawab memastikan keselamatan serta kesihatan melalui kawalan sendiri.

“Malah, masing-masing juga perlu mengikuti prosedur operasi standard (SOP) selain tidak melakukan pembelian panik supaya bekalan barang keperluan asas di seluruh negara terus berada pada tahap stabil dan mencukupi,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam pada itu, Alexander turut memaklumkan bahawa operasi had maksimum dua jam (Ops Had 2J) ditangguhkan serta-merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak namun SOP PKP 3.0 yang lain masih terus dikuatkuasakan.

■ 'Don't panic-buy as there is sufficient supply of basic necessities'

Minister: No supply disruptions during two-week lockdown

KUALA LUMPUR: There will be no disruption to the supplies of necessities during the two-week total lockdown, which will take place from this Tuesday to June 14.

Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Alexander Nanta Linggi advised the public not to panic-buy in their preparation for the lockdown.

"This is so that there will be no supply disruptions.

"The ministry gives its assurance that there is sufficient supply of necessities for the two-week lockdown."

The ministry hoped that all quarters, especially traders and consumers, would ensure the safety of others by observing physical distancing and complying with the standard operating procedures (SOP).

He said the ministry had postponed the enforcement of Op Had 2J with immediate effect.

The operation was to ensure public compliance with the two-hour shopping limit at business premises.

"The SOPs that are in place during the Movement Control Order 3.0 will continue to be enforced."

Meanwhile, nationwide panic buying did not occur despite long queues at several locations, with a majority of shoppers interviewed yesterday expressing restraint due to the high number of Covid-19 cases.

Checks found that supermarkets' and hypermarkets' shelves were filled with essentials, such as rice, bread, eggs and cooking oil.

In, **Petaling Jaya**, Selangor, customers formed queues, which crossed over nine shoplots, as they made their way into Tesco Extra Mutiara Damansara.

The ministry gives its assurance that there is sufficient supply of necessities for the two-week lockdown.

DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI
 Domestic Trade and Consumer Affairs Minister

Only those classified as low risk under the MySejahtera application were allowed entry.

The hypermarket's branch manager, Steven Muru Gaias, 31, said only 60 customers were allowed to shop at a time.

NSK Kota Damansara executive maintenance officer Mohamad Nor Fazli, 34, said up to 400 customers queued up to enter the supermarket since 7.40am.

He said only 200 customers were allowed to enter the super-

market at a time.

"We implemented a tag system, where they will be given a tag at the entrance and another when they are about to enter NSK.

"It is a convenient crowd-control system."

In **Johor Baru**, university administration staff member Shafienna Wanie Mohd Faisal, 26, said shoppers had shown maturity following their experience during MCO 1.0.

"For those with small families or living alone, such as myself, they are more prudent when it comes to spending. With that said, they will not resort to panic-buying.

"So far, I have yet to see any overcrowding at the places I've visited," she said at Lotus Tebrau supermarket.

In **Seremban**, shopper Mohamad Khairul Mohamed, 35, said that while there were people queuing up at popular chains, such as Mydin and Econsave, in Senawang, it was the norm.

"It is normal for people to buy groceries there during the weekend.

"There is no panic-buying. For instance, I did not buy more than what was needed despite the scheduled lockdown."

In **Kangar**, locals said that despite an increase in people making store purchases, it did not lead to panic-buy-

Trader Mohammad Hazim Misman, 25, who went to a nearby supermarket to buy groceries yesterday said: "There is no panic-buying. I was there to make my usual purchases. My family had run out of groceries. So bought only necessities.

"I don't expect many people (to shop) here."

In **Melaka**, checks at supermarkets in Sungai and Cheng saw many people making purchases to stock up during the lockdown.

Zalehah Mansor, 53, said she bought groceries before the lockdown to avoid facing potential overcrowding at the supermarkets.

"Everyone followed the SOP. People wanted to buy groceries early to avoid problems posed by overcrowding."

In **Kuantan**, the state Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry's branch reported no panic-buying during checks in Indera Mahkota and that supplies were sufficient.

Panic buying still a common sight

Long lines form at supermarkets despite assurances of adequate supply



PETALING JAYA: Long lines of shoppers at supermarkets have become a common sight whenever new movement restrictions are announced.

This occurs despite assurances of an adequate supply of essential items in the market.

After Friday's announcement of a nationwide, two-week total lockdown from Tuesday, Malaysians in many states again went on a buying frenzy, with lines at supermarkets forming as early as 8am yesterday.

Photos of long queues circulated on social media showing people crowding supermarkets to buy groceries.

In Klang Valley, businesswoman Natasha Shazana Azmi, 27, who went out to do her grocery shopping, said based on past experience, it was harder to shop during the lockdown.

"I don't think the situation is highly unusual as people usually do their shopping on weekends.

"We can't be angry with people for panic buying now because during the first movement control order, we saw how difficult it was as a lot of items went out of stock.

"Lockdown or no lockdown, the queue will still be long because we have so many restrictions in place, so better to do it now," she said.

Marketing executive Justin Lim, 32, said he decided to go shopping for his family of six early to get the necessary food such as bread.

"Although we are encouraged to shop online, it's not easy as we can't choose fresh items.

"I've tried ordering online during the first lockdown but the delivery

HARI :	AHAD
TARIKH :	30/05/2021
M/SURAT :	4



Retail anxiety: A bigger than usual crowd lining up at the checkout counters of Mydin Mall in Subang Jaya. — AZLINA ABDULLAH/The Star

hypermarket in Ipoh Garden. The hypermarket, which opens from 8am to 8pm, only allows up to 250 customers into its premises at a time.

A notice near its entrance also stated that only one member of a family was allowed to go in.

In **Johor Baru**, the manager of a hypermarket in Taman Daya, Syahmi Idzham Sabudim, said shoppers had been waiting outside since 7.30am.

"The line went from the gate of our carpark area, all the way to the main entrance of the store."

"We only allow a maximum of 250 people into the store while the rest would need to queue outside," he said.

Housewife Nurul Atikah Samsudin, 32, said she decided to get her groceries early to avoid having to go out during the lockdown.

A mechanic, who only wanted to be known as Lim, 53, said he decided to get basic items such as eggs and toilet paper before stock ran out.

Separately, Domestic Trade and Consumers Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi urged consumers not to panic buy or over-buy to avoid supply disruption.

Nanta said enforcement officers would continue to monitor the situation while assuring the people that the supply of necessities would be adequate during the lockdown.

The National Security Council also sent out an SMS reminder to people to plan their purchase of groceries and daily essentials, and urged them to shop weekly at the store nearest their homes.

before entering.

A chicken trader there believed the bigger-than-normal crowd was due to the impending lockdown.

While they are enjoying brisk business, a vegetable seller said she could not help but worry about the crowd in the next few days.

"If the crowd gets bigger, I am worried the authorities would close the market. Physical distancing will not be easy," she said.

In **Ipoh**, a long queue formed at a

she said.

At a supermarket in a popular mall in Bayan Lepas, the human chain was equally long as shoppers stared at their phones waiting for their turn while observing physical distancing.

"I'm free today so I am here to replenish some essential items," said one customer.

At the wet market in Perak Road, marketgoers made a beeline to scan the MySejahtera app

was really slow," he said. In **George Town**, even though stores selling essentials would remain open, long queues stretching about 300m could be seen outside supermarkets yesterday.

A shopper, who wished to be known only as Ain, said her mother insisted she get a few essentials.

"I am here to buy rice, sardines and basic groceries.

"We do not want to go to the wet market as security here is better."

Harga roti Gardenia tidak naik

KUALA LUMPUR - Harga roti Gardenia masih kekal dan tiada kenaikan harga akan berlaku bermula 1 Jun ini, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Beliau berkata, masyarakat tidak perlu bimbang berikutan tersebarnya surat yang menyatakan bahawa berlaku kenaikan harga roti Gardenia.

“Pegawai saya telah memeriksa (kesahihannya) dan mendapati harga roti tidak naik sebaliknya kenaikan harga membabitkan produk lain syarikat itu,” katanya pada Sabtu.

Sementara itu, Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd (GBKL) mengesahkan harga enam produk keluaran syarikat itu dinaikkan berkuat kuasa 1 Jun ini.

Pengurusan Gardenia Bakeries dalam kenyataan memaklumkan, enam produk itu ialah *Gardenia Delicia Hazelnut Chocolate Spread* (200g); *Gardenia Delicia Hazelnut Chocolate Spread* (375g); *Gardenia Delicia Milky Chocolate Spread* (200g); *Gardenia Delicia Milky Chocolate Spread* (375g); *Gardenia Auntie Rosie - Original Homestyle Kaya* (200g) dan *Gardenia Auntie Rosie - Natural Pandan Kaya* (200g).

Harga roti Gardenia tak naik

Kuala Lumpur: Harga roti Gardenia masih kekal dan tiada kenaikan harga berlaku bermula 1 Jun ini, kata Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid.

Sehubungan itu, beliau berkata, masyarakat tidak perlu bimbang dan melakukan pembelian panik berikutan tersebar surat yang menyatakan bahawa akan berlaku kenaikan harga makanan itu.

“Pegawai saya sudah memeriksa (kesahihannya) dan mendapati harga roti tidak naik sebaliknya kenaikan harga membabitkan produk lain syarikat itu seperti sapan perisa kaya,” katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas mengenai satu surat syarikat Gardenia yang tersebar menerusi aplikasi WhatsApp yang memaklumkan terdapat perubahan harga produk bermula 1 Jun ini.

Perubahan harga berkenaan juga serentak dengan pelaksanaan sekatan pergerakan penuh sektor sosial dan ekonomi fasa pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun yang diumumkan Pejabat Perdana Menteri kelmarin.



Peniaga, pengguna juga perlu bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan dalam usaha mengurangkan penularan pandemik Covid-19 yang menyaksikan peningkatan jangkitan kes baharu setiap hari”

Rosol Wahid

“Peniaga, pengguna juga perlu bersama-sama berganding bahu dengan kerajaan dalam usaha mengurangkan penularan pandemik Covid-19 yang menyaksikan peningkatan jangkitan kes baharu setiap hari.

“Bagi masyarakat, kita ada pengalaman ketika PKP (Perintah Kawalan Pergerakan) pertama dan pengalaman itu sangat berguna. Jangan lakukan pembelian panik kerana barangan keperluan termasuk pelitup muka dan cecair sanitasi tangan sentiasa ada dan mencukupi,” katanya.



SEORANG pekerja Gardenia Bakeries (KL) Sdn Bhd menghantar bekalan roti di sebuah kedai runcit.

Orang ramai serbu pasar raya

KPDNHEP mengakui berlaku pembelian panik khususnya di Lembah Klang

Oleh MUHAMMAD AFHAM RAMLI dan NORAFIZA JAAFAR

SHAH ALAM



Orang ramai beratur panjang bagi memasuki sebuah pasar raya di Setapak pada Sabtu.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menafikan terdapat unsur pembelian panik dalam kalangan pengguna di sekitar Lembah Klang susulan pengumuman pelaksanaan *total lockdown* Fasa Pertama di seluruh negara selama 14 hari bermula Selasa ini.

Pengarah Penguat Kuasa KPDNHEP, Azman Adam berkata, kesesakan ini dikesan pihaknya di beberapa pasar raya khususnya pada waktu pagi.

Menurutnya, hanya segelintir membeli barangan dalam jumlah yang banyak namun masih terkawal.

"KPDNHEP telah membuat pemantauan di beberapa bandar besar di sekitar Perak, Lembah Klang, Johor serta Pulau Pinang dan mendapati jumlah kehadiran di pasar raya masih terkawal.

"Sejak pagi tadi (Sabtu) tular beberapa keping gambar pelanggan beratur untuk membeli barangan ke-

MEDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?

perluan di beberapa pasar raya di seluruh negara.

"Situasi pelanggan beratur panjang di pasar raya itu berdasarkan hasil laporan yang diterima adalah disebabkan

pasaran raya menghadkan bilangan pelanggan dalam satu masa selain cuti hujung minggu," katanya kepada *Sinar Ahad*.

Beliau berkata, pemerhatian KPDNHEP mendapati rata-rata pembeli membeli barangan keperluan dalam jumlah yang memadai dan mencukupi.

Katanya, tidak semua tempat mengalami situasi seperti yang tular di media sosial.

"Situasi berpusu-pusu itu berlaku di sesetengah tempat pada waktu pagi namun menjelang tengah hari keadaan kembali pulih," katanya.

Sementara itu, tinjauan *Sinar Ahad* di sebuah pasar raya di Setapak,

Kuala Lumpur mendapati ada pelanggan yang sanggup beratur panjang bagi mendapatkan barangan keperluan harian sebagai persediaan pelaksanaan *total lockdown*.

Seorang pekerja swasta, Izwani Nadzri, 45, berkata, dia hampir membatalkan hasratnya untuk masuk ke pasar raya itu sebaik melihat barisan panjang namun terpaksa akur untuk berada dalam barisan memandangkan kebanyakan bekalan keperluan harian di rumahnya sudah habis.

"Biasanya saya datang ke sini terus masuk dan tidak perlu beratur tetapi hari ini (Sabtu) kena tunggu giliran pula. Masa beratur nampak macam ramai tapi bila dah masuk keadaannya lengang.

"Saya lihat tiada pembelian panik mungkin sebab sebelum ini sudah ada pengalaman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh jadi orang membeli hanya mengikut keperluan, barang di rak juga penuh tiada yang habis, semuanya ada," katanya.

91,767 perniagaan memanfaatkan SSM BizTrust

Kod QR SSM BizTrust tingkat keyakinan dalam urus niaga

Sruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan SSM BizTrust sebagai satu pawiawan yang boleh diperolehi oleh entiti perniagaan dalam talian. SSM BizTrust menyediakan platform kepada peniaga online bagi memperolehi pensijilan SSM BizTrust melalui logo atau seal yang akan dipaparkan pada laman sesawang atau media sosial perniagaan mereka.

Sejak mula diperkenalkan pada tahun 2017, SSM BizTrust ditawarkan secara percuma kepada semua jenis entiti perniagaan online yang berdaftar dengan SSM.

Pada 20 November 2020, SSM telah mengumumkan lanjutan tempoh pendaftaran SSM BizTrust secara percuma sehingga 31 Disember 2021 selaras dengan usaha kerajaan untuk membantu mengurangkan beban komuniti perniagaan online.

Sehingga 30 April 2021, sebanyak 91,767 entiti perniagaan berstatus aktif telah berdaftar sebagai komuniti SSM BizTrust dan sedar akan kepentingan serta manfaat SSM BizTrust.

Sebagai langkah proaktif dalam meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap sesebuah entiti perniagaan, SSM telah merencanakan semula penawaran produk SSM BizTrust kepada komuniti perniagaan melalui pengenalan Kod QR SSM BizTrust.

Kod QR SSM BizTrust ini telah diperkenalkan kepada orang awam pada 31 Mac 2021 dan berfungsi sebagai satu pengesahan serta pengenalan identiti digital kepada entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM.

Sebagai permulaan, ianya ditawarkan kepada entiti perniagaan pemilikan tunggal dan

perkongsian yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956.

Kod QR SSM BizTrust ini akan memaparkan maklumat seperti nama dan nombor pendaftaran entiti perniagaan, status dan alamat URL perniagaan sebagai sahaja diimbaz.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SSM, Nor Azimah Abdul Aziz berkata Kod QR SSM BizTrust akan meningkatkan lagi keyakinan pelanggan terhadap peniaga.

"SSM berharap melalui usaha serta inisiatif yang telah dilaksanakan ini, SSM BizTrust dapat memberi akses kepada maklumat utama perniagaan bagi mengenalpasti kewujudan sesebuah perniagaan yang sah di sisi undang-undang. Maklumat melalui Kod QR SSM BizTrust akan membolehkan kedua-dua pihak iaitu peniaga dan pengguna menguatkuasakan hak masing-masing di bawah transaksi perniagaan yang telah berlangsung.

"Selain diyakini dapat melahirkan pengguna dan peniaga beretika dalam berurus niaga, keyakinan ini juga diharapkan akan

membantu mewujudkan persekitaran perniagaan yang dipercayai," katanya.

Nor Azimah berkata entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 serta mempunyai akaun berdaftar di portal SSM ezBiz Online boleh memperolehi dan

memuat turun Kod QR SSM BizTrust secara automatik melalui pautan www.ezbiz.ssm.com.my.

"Pengguna boleh mengimbas Kod QR SSM BizTrust melalui aplikasi rasmi SSM, iaitu MySSM yang boleh dimuat turun secara percuma ke peranti mudah alih dari Apple App Store, Google Play Store, dan Huawei AppGallery," katanya.

Tambahnya, pelaksanaan Kod QR SSM BizTrust ini akan diperluaskan secara berperingkat ke atas entiti perniagaan lain yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkinsonan Liabiliti Terhad 2012.

Buat masa ini, entiti-entiti tersebut boleh membuat permohonan pendaftaran menerusi portal SSM BizTrust di pautan

<https://biztrust.ssm.com.my/> dan pendaftaran masih dibuka secara percuma sehingga 31 Disember 2021.

KOD QR SSM BIZTRUST

"Jadilah sebahagian komuniti perniagaan yang selamat dan beretika melalui paparan kod QR SSM BizTrust."

APA ITU KOD QR SSM BIZTRUST?

Kod QR SSM BizTrust adalah "business starter kit" yang berfungsi sebagai satu pengesahan dan pengenalan identiti digital atau "digital identification" kepada entiti-entiti perniagaan yang berdaftar dengan SSM; di mana pada masa ini hanya ditawarkan kepada entiti perniagaan yang berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (App 1956).

KELEBIHAN SSM BIZTRUST

- Mengembangkan jenama perniagaan anda sebagai entiti perniagaan yang dipercayai sah di sisi undang-undang.
- Memudahkan pengguna mengenal pasti kesahihan dan kewujudan entiti perniagaan melalui paparan kod QR SSM BizTrust.
- Membina dan mewujudkan keyakinan pengguna dalam berurus niaga serta mengurangkan risiko kes penipuan.

Entiti berdaftar di bawah App 1956 boleh memuat turun kod QR SSM BizTrust secara percuma melalui portal eBiz Online (www.ezbiz.ssm.com.my).

Semakan kesahihan maklumat entiti perniagaan dilimas melalui aplikasi mobil rasmi SSM, iaitu MySSM yang boleh dimuat turun melalui App Store, Play Store & Huawei AppGallery.

• Perkenalkan kod QR SSM BizTrust dalam perniagaan secara berperingkat ke atas entiti yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dan Akta Perkinsonan Liabiliti Terhad 2012 (App 2016).

• Kini perniagaan di bawah App 2016 dan App 2012 boleh membuat permohonan pendaftaran melalui SSM BizTrust di pautan <https://biztrust.ssm.com.my/> secara percuma sehingga 31 Disember 2021.

03 7721 4000 enquiry@ssm.com.my



SSM BizTrust QR Code boosts business confidence

THE Companies Commission of Malaysia (SSM) has introduced SSM BizTrust as a standard that can be obtained by online business entities.

SSM BizTrust provides a platform for online business owners to obtain SSM BizTrust certification via a seal that can be displayed on the website or the businesses' social media accounts.

Since its introduction, SSM BizTrust has been offered for free to all online business entities registered with SSM. On Nov 20 last year, SSM announced the extension of the SSM BizTrust registration for free until Dec 31 this year, in line with the government's efforts to help reduce the burden of the online business community.

Up to April 30, a total of 91,767 active business entities have registered as SSM BizTrust communities and are automatically entitled to the benefits of SSM BizTrust.

To reinforce customer confidence in business entities via SSM BizTrust, SSM has taken a proactive move by introducing the SSM BizTrust QR Code that only requires a single scan for access to information about a particular business.

The SSM BizTrust QR Code or business starter kit was first launched on March 31 and serves as a digital identification for business entities registered with SSM.

As a start, the SSM BizTrust QR Code is currently offered to sole proprietorship and partnership business

entities registered under the Business Registration Act 1956.

Once scanned, the SSM BizTrust QR Code will display information such as the business entity's name, registration number, status and URL address.

SSM chief executive officer Nor Azimah Abdul Aziz said the SSM BizTrust QR Code will further increase customer confidence in business entities.

"SSM hopes that through these efforts and initiatives, SSM BizTrust will provide easy access to key information on legally registered businesses to enable both business owners, especially online business operators, and consumers to enforce their respective rights under the business transaction entered into between them."

"Apart from creating customer confidence and producing ethical customers and entrepreneurs, the SSM BizTrust QR Code helps create a trusted business environment."

Nor Azimah said business entities that are registered under the Business Registration Act 1956 and have registered accounts at SSM ezBiz Online portal will be able to download the SSM BizTrust QR Code via www.ezbiz.ssm.com.my.

"Customers can scan the SSM BizTrust QR

Code via SSM's official mobile application, MySSM, which can be downloaded for free to mobile devices from the Apple App Store, Google Play Store and Huawei AppGallery," she said.

She added that the SSM BizTrust QR Code would be expanded in stages to business entities registered under the Companies Act 2016 and the Limited Liability Partnership Act 2012.

However, for now, the entities can register for SSM BizTrust through the SSM BizTrust portal at <https://biztrust.ssm.com.my/> for free until Dec 31.

*Nor Azimah
Abdul Aziz*



SSM BIZTRUST QR CODE

"Be part of a trusted and ethical business community through the display of SSM BizTrust QR Code."

WHAT IS SSM BIZTRUST QR CODE

SSM BizTrust QR Code is a business starter kit that serves as a digital identification of business entities registered with SSM. Initially, SSM BizTrust QR Code was offered to business entities registered under the Business Registration Act 1956.

ADVANTAGES OF SSM BIZTRUST

- Expand and grow your business brand as a business entity certified by SSM
- Facilitate users to identify the validation and existence of business entities through SSM BizTrust QR Code.
- Build and create consumer confidence in transactions and reduce the risk of fraud cases.

Registered entities under the Business Registration Act 1956 will be able to download the SSM BizTrust QR Code for free via the EzBiz Online portal at www.ezbiz.ssm.com.my.

Checks on the information authenticity of business entities can be done via SSM's official mobile application, MySSM which can be downloaded for free to mobile devices from the Apple App Store, Google Play Store, and Huawei AppGallery.

SSM BizTrust QR Code would also be expanded in stages to business entities registered under the Companies Act 2016 (CA 2016) and the Limited Liability Partnership Act 2012 (LTPA 2012).

Business entities under CA 2016 and LTPA 2012 can register for SSM BizTrust through the SSM BizTrust portal at <https://biztrust.ssm.com.my/> free until December 31st, 2021.

03 7721 4000 enquiry@ssm.com.my